

Bajet mesti ambil kira rakyat berpendapatan rendah

← Dari MUKA SEPULUH

Ketua Pakar Ekonomi dalam Makroekonomi, Perdagangan dan Pelaburan, Richard Record, berkata agensi itu menjelaskan jumlah yang tinggi daripada pendapatan isi rumah dibelanjakan golongan berpendapatan rendah ke atas makanan dan perumahan melorajukkan inflasi kumpulan itu melebihi kadar purata.

Sebab itulah Bajet 2019 perlu mengambil kira kepentingan golongan berkenaan, apatah lagi mereka golongan yang memberi sokongan padu kepada PH sehingga membentuk kerajaan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), 9 Mei lalu.

Portal hartaanah, PropertyGuru Malaysia (PropertyGuru) pula mengesyorkan kerajaan membinaarkan pembukaan tanah rizab untuk pembangunan perumahan mampu milik pada pembangan Bajet 2019.

Langkah itu menurutnya dilihat

Rumah mampu milik itu yang berpanjangan yang bagalkan tida penyelesaian sehingga ada menganggap rumah yang ingin dimiliki sebenarnya hanya rumah mampu tengok' bukan mampu dimiliki.

Pembubuhan MPMMN diumumkan Dr Mahathir ketika membantangkan Kajian Separuh Pengal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi menyelaras pengurusan perumahan mampu milik awam. Menurut Kumpulan Bank Dunia, kenaikan harga makanan dan rumah serta pertumbuhan upah tidak menentu di Malaysia dijangka meningkatkan kos sara hidup kumpulan berpendapatan rendah lebih cepat dan beberapa kali ganda, berbanding golongan berpendapatan pertengahan dan tinggi.

Bantuan Sarawak Rakyat (BSH) yang menggantikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang memanfaatkan 4.1 juta penerima juga dijangka ditukar daripada pemberian wang tunai kepada barang "makanan"

mampu membantu meningkatkan pemilikan kediaman dalam kalangan rakyat tempatan. Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi atau Baucar Buku 1Malaysia juga dinantikan pelajar sama ada dasar itu diteruskan atau sebaliknya diketahui Ju-mat ini.

Bantuan RM300 setiap pelajar yang didebitkan menerusi Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KAD1M) memanfaatkan 1.2 juta pelajar pra-universiti, institusi pengajian tinggi (IPT) dan matrikulasi tahun ini.

Sabah dan Sarawak

Kerajaan sepatahnya meneruskan bantuan ini kerana ia memberi manfaat kepada pelajar dan jika jumlah penerima dikurangkan, ia seharusnya menumpukan kepada mahasiswa daripada keluarga berpendapatan rendah.

Penduduk Sabah dan Sarawak

juga sudah tentu mahu menerima manfaat daripada belanjawan berkenaan dengan kurang-kurangnya 30 peratus daripada peruntukan pembangunan keseluruhan dalam Bajet 2019 disalurkan kepada dua negeri terabit. Pengurusan Pakatan Harapan Sarawak, Chong Chieng Jen mahu jumlah peratusan itu setimpal dengan keperluan pembangunan di kedua-dua wilayah, khusus di kawasan pedalaman dan luar bandar yang serba kekurangan. Berdasar belanjawan terdahulu dilaksanakan kerjaan BN ketika itu, Sabah dan Sarawak hanya memperoleh 10 hingga 13 peratus peruntukan pembangunan dalam bajet Kerajaan Persekutuan.

Dalam bajet kali ini, tentu

kedua-dua negeri ini mahu peruntukan lebih adil bagi memperkasaan pembangunan bersesuaian dengan saiz kedua-duanya sebagai wilayah terbesar di Malaysia.